



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (170)

Tarikh : 9 Oktober 2016

SIARAN MEDIA

SEJAHTERA 2016 DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA

Kuala Lumpur, 9 Oktober 2016 - Program Puspanita – iM4U bertemakan Sejahtera 2016 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan iM4U dirasmikan oleh Datuk Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha KPKT pada pagi ini.

2. KPKT melalui Puspanita Cawangan KPKT dengan kerjasama iM4U menganjurkan Program Puspanita - iM4U : Sejahtera 2016 yang mensasarkan peningkatan aktiviti kemasyarakatan di komuniti terbabit menerusi aktiviti Amazing Green Race, gotong-royong di Taman Lembah Kiara, senamrobik, pelepasan anak ikan, pameran, jualan, ceramah zero rubbish dan cabutan bertuah yang dianjurkan pada hari ini.

3. KPKT memilih tema SEJAHTERA 2016 ini adalah bertepatan dengan motto KPKT yang mencerminkan imej sebuah masyarakat yang harmoni dalam kawasan bandar yang mampan. Untuk itu, bagi mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan seterusnya membangunkan sebuah negara yang maju, masyarakat khususnya golongan belia perlu memainkan peranan dalam merealisasikan hasrat ini.

4. Sementara itu, Program 1Malaysia for Youth atau iM4U ini adalah satu inisiatif dari Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan golongan belia dalam aktiviti kemasyarakatan. Dengan adanya inisiatif ini diharap para belia dapat memanfaatkan peluang yang sedia ada untuk berbakti dan memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat khususnya.

5. Kerajaan yakin bahawa golongan belia memainkan peranan penting dalam membentuk Malaysia menjadi sebuah destinasi yang lebih baik untuk hidup, bekerja dan bermain.

6. Adalah diharapkan aktiviti pada pagi ini akan mencapai objektif jangkaan seperti berikut:

- i. Mewujudkan dan mengeratkan jaringan komunikasi antara pihak NGO, golongan belia, masyarakat setempat dan agensi kerajaan untuk saling berhubung dan berkongsi maklumat demi kesejahteraan bersama melalui pendekatan yang lebih padu dan berkesan.
- ii. Merapatkan lagi hubungan diantara ahli Puspanita disamping menanam sikap mementingkan 'teamwork' dalam mencapai sesuatu matlamat.
- iii. Mempromosikan peranan dan fungsi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang meliputi agenda pembangunan negara seperti perkhidmatan perbandaran, perumahan, landskap, pengurusan sisa dipunca dan kebomgaan;
- iv. Mendidik masyarakat untuk peka dan prihatin terhadap perubahan alam sekitar serta memupuk semangat kecintaan terhadap persekitaran berlandskap;
- v. Memberi peluang kepada ahli Puspanita untuk melaksanakan aktiviti di luar pejabat;

7. Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran ahli puspanita KPKT, pegawai kanan KPKT dan jabatan dibawahnya, pegawai-pegawai IM4U, penduduk setempat dan pengunjung Taman Persekutuan Bukit Kiara.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my